

# BETA ANTISEPTIC LOTION

Povidone-Iodine (10% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beta Antiseptic Lotion
2. Bagaimana Beta Antiseptic Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Beta Antiseptic Lotion
4. Cara menggunakan Beta Antiseptic Lotion
5. Semasa menggunakan Beta Antiseptic Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beta Antiseptic Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan Beta Antiseptic Lotion

Beta Antiseptic Lotion digunakan sebagai antiseptik topikal untuk merawat dan mencegah jangkitan pada luka, kulit melecet, luka lecur yang ringan dan jangkitan kulit yang lain.

## Bagaimana Beta Antiseptic Lotion berfungsi

Beta Antiseptic Lotion mengandungi Povidone-Iodine yang membunuh bakteria, kulat, virus, protozoa, dan spora.

## Sebelum menggunakan Beta Antiseptic Lotion

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Beta Antiseptic Lotion jika anda atau anak anda mempunyai:

- alahan terhadap iodine atau sebarang bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut);
- pembesaran kelenjar tiroid tanpa gangguan dalam fungsi tiroid;
- kawasan melecur yang meliputi lebih daripada 20% permukaan badan.

### - Sebelum menggunakan Beta Antiseptic Lotion

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai:

- fungsi tiroid yang terganggu
- fungsi buah pinggang yang terganggu
- hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan anak

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Beta Antiseptic Lotion

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan losyen dengan mencukupi pada kawasan yang terjejas dengan menggunakan putik kapas atau kapas.

### - Bila perlu digunakan

Sapu seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Tinea (jangkitan kulat kulit):

Sapukan 3 hingga 4 kali sehari

Jangkitan kulit yang lain:

Sapukan 2 kali sehari

Sapukan semula jika warna pada kawasan yang disapu menjadi pudar.

### - Berapa lama perlu digunakan

Sapukan Beta Antiseptic Lotion mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda atau sehingga semua gejala hilang.

Untuk rawatan tinea (jangkitan kulat kulit), teruskan menyapu losyen selama 7 hari lagi walaupun semua gejala telah hilang.

### - Jika anda terlupa menggunakan

Sapu dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan penyapuan ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapu dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

### - Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

## Semasa menggunakan Beta Antiseptic Lotion

### - Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Beta Antiseptic Lotion.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mulakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Beta Antiseptic Lotion kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luaran sahaja. Elakkan terkena mata, hidung, mulut, membran mukus, kawasan terbakar yang luas atau luka yang terbuka. Tidak boleh dimakan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Beta Antiseptic Lotion boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Beta Antiseptic Lotion boleh menyebabkan:

- kerengsaan
- sensitiviti kulit
- Kelenjar tiroid kurang aktif pada bayi baru lahir

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Beta Antiseptic Lotion

### - Penyimpanan

- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Lindungi daripada cahaya.
- Pastikan penutup ditutup rapat.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi

# BETA ANTISEPTIC LOTION

Povidone-Iodine (10% w/v)

---

anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Losyen antiseptik berwarna perang kemerahan.

- Bahan-bahan kandungan

– Bahan aktif

Povidone-Iodine

– Bahan tidak aktif

Industrial methylated spirit,  
purified water.

- Nombor MAL

MAL19962576XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.

1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,

Taman I.K.S. Bukit Minyak,

14000 Bukit Mertajam,

Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemas kini RiMUP

04/09/2024

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)030924/00117